

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
JOHOR PORT BERHAD  
PASIR GUDANG, JOHOR

DISEDIAKAN OLEH:

UMAR BIN MOHD HANIM  
SARJANA MUDA PENGURUSAN  
(MARITIM)

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA  
JABATAN PENGURUSAN DAN PEMASARAN  
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA  
(KUSTEM)

2005



n: 2553

1100039954

LI 82 FPE 2 2005



1100039954  
Laporan akhir Latihan Industri di Johor Port Berhad, Pasir  
Gudang / Umar Mohd Hanim.



**PERPUSTAKAAN**  
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA  
21030 KUALA TERENGGANU

1100039954		


Lihat sebelah

HAK MILIK  
PERPUSTAKAAN KUSTEM

## Pengesahan Keaslian Laporan

Dengan ini saya Umar bin Mohd Hanim mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus PGN 4799 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan



Nama: Umar B Mohd Hanim

Tarikh: 20 November 2005

Disahkan oleh:



Prof. Madya Dr. Abdul Razak Kamaruddin

b/p Pengerusi Latihan Industri

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi

KUSTEM

## **PRAKATA**

Latihan Industri (LI) ini adalah satu Latihan Pratik yang merupakan salah satu program wajib fakulti yang telah disyaratkan kepada pelajar Sarjana Muda Pengurusan (Maritim) di bawah Fakulti Pengurusan dan Ekonomi untuk menamatkan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan (Maritim). Latihan Industri diwajibkan ke atas pelajar-pelajar tahun dua semester empat.

Latihan Industri ini mengambil masa selama 12 minggu untuk ditamatkan oleh pelajar bermula dari 21 Mac 2005 sehingga 12 Jun 2005. Di sepanjang tempoh itu, para pelajar akan ditempatkan di firma-firma swasta ataupun di badan-badan kerajaan untuk mendalami bidang-bidang kerja pentadbiran dan pengurusan organisasi yang berkaitan dengan pengkhususan pelajar.

Semasa menjalani Latihan Industri ini, pelatih akan dapat mengaplikasikan teori yang telah dipelajari semasa kuliah dengan realiti alam pekerjaan. Selain itu, pelatih juga akan mendapat pengalaman dan kemahiran asas di alam pekerjaan yang berkaitan dengan program pengajian. Pelatih juga dapat menjalin dan mengekalkan hubungan baik dengan kakitangan organisasi di dalam bidang masing-masing. Selain itu, pelatih juga dapat memahami erti dan etika profesionalisme alam pekerjaan di dalam bidang maritim semasa tempoh latihan berlangsung.

Selain itu, sepanjang tempoh Latihan Industri pelajar telah diselia oleh kakitangan organisasi dan juga penyelarar dari pihak Universiti. Penyelia organisasi bertanggungjawab untuk membimbing dan memberi tunjuk ajar di bawah pengawasannya. Manakala penyelarar pula bertanggungjawab untuk menilai laporan pelajar dan memutuskan gred yang akan diperolehi oleh pelajar.

Walaupun dalam tempoh yang singkat iaitu selama tiga bulan sahaja, namun sewajarnya sebagai seorang bakal graduan pelajar seharusnya mampu untuk mempelajari dan memahami ilmu-ilmu yang dipelajari semasa menjalani Program Latihan Industri. Semoga matlamat Latihan Industri ini tercapai dengan jayanya.

## PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah kehadiran Ilahi kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya saya telah berjaya menyempurnakan segala tanggungjawab yang diberikan kepada saya. Jutaan penghargaan ingin diucapkan kepada pihak Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) kerana telah memberi sepenuh kepercayaan saya, untuk keluar mencari ilmu dan pengetahuan di alam pekerjaan secara teori dan juga praktikal.

Setinggi-tinggi terima kasih Professor Madya Dr. Abdul Razak Kamaruddin yang telah banyak memberi dorongan dan khidmat nasihat semasa dan juga selepas tamat latihan industri ini. Tidak lupa juga ribuan terima kasih kepada pihak Johor Port Berhad yang sudi menerima kehadiran saya untuk menjalani latihan industri dan memberi peluang kepada saya untuk mengenali dan mendalami ilmu dalam bidang maritim secara lebih dekat. Kepada Penyelia saya iaitu En. Badrru'l-Sham Abdul Jalil dan Kapten Abdul Rahim Omar yang banyak memberi tunjuk ajar dan juga bimbingan kepada saya semasa dalam proses latihan industri ini dijalankan.

Tidak lupa kepada semua warga kerja Jabatan Marin, Johor Port Berhad yang turut berkongsi pengalaman dan khidmat nasihat kepada saya. Ucapan terima kasih juga diucapkan kepada Nur Hafizah Mohd Piah kerana

kesudian dirinya untuk berkongsi maklumat dan pengetahuan serta semangat untuk terus menghabiskan Latihan Industri saya.

Tidak lupa juga kepada ibu bapa dan keluarga yang memberi galakkan dan perangsang semasa proses latihan ini dijalankan. Akhir kata terima kasih kepada semua yang turut terlibat secara langsung atau tidak langsung dari awal proses latihan industri sehinggalah saya berjaya menyiapkan laporan ini.

# ISI KANDUNGAN

Pengesahan Keaslian Laporan.....	i
Prakata.....	ii
Penghargaan.....	iv
Isi Kandungan.....	vi
Senarai Carta.....	viii
Senarai Rajah.....	viii
Ringkasan Eksekutif.....	ix

## BAB 1 : LATAR BELAKANG

1.1 Latar Belakang Syarikat.....	1
1.2 Maklumat Organisasi.....	5
1.3 Carta Organisasi.....	7
1.4 Aktiviti Organisasi.....	9
1.5 Fungsi dan Aktiviti Bahagian.....	14

## BAB 2 : SISTEM KERJA

2.1 Sistem Permaliman.....	23
2.1.1 Objektif Sistem Permaliman.....	23
2.1.2 Prosedur Dalam Sistem Permaliman.....	23
2.1.3 Mengenalpasti Masalah.....	28



## **SENARAI CARTA**

Carta 1 : Carta Organisasi Johor Port Berhad.....	6
Carta 2 : Carta Organisasi Jabatan Marin, Johor Port Berhad.....	7
Carta 3 : Carta Aliran Sistem Permaliman.....	26
Carta 4 : Carta Aliran Sistem Kemasukkan Kapal.....	36
Carta 5 : Carta Aliran Sistem 'Billing'.....	46

## **SENARAI RAJAH**

Rajah 1 : Pengisian minyak ke bot malim
Rajah 2 : Operasi penambatan kapal ( <i>mooring</i> )
Rajah 3 : Operasi penundaan kapal menggunakan dua buah bot tunda
Rajah 4 : Operasi penundaan kapal menggunakan sebuah bot tunda
Rajah 5 : Dermaga Kontena
Rajah 6 : Terminal Pecah Pukal
Rajah 7 : Malim menaiki kapal dengan menggunakan 'monkey ladder'
Rajah 8 : Malim menaiki kapal dengan menggunakan 'gangway'
Rajah 9 : 'Proof Sheet'
Rajah 10 : Sistem MSS

## RINGKASAN EKSEKUTIF

Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi di bawah Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) yang merupakan salah sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam di Malaysia yang telah membuat satu inisiatif yang sangat baik iaitu Program Latihan Industri bagi memberi pendedahan kepada penuntutnya agar dapat merasai profesion pekerjaan yang sebenar. Sepanjang hampir dua belas minggu pelatih menjalani latihan industri di Johor Port Berhad, pelatih telah di tempatkan di Jabatan Marin. Jabatan Marin merupakan sebuah jabatan yang menguruskan keluar dan masuk kapal-kapal ke pelabuhan. Jabatan Marin terbahagi kepada dua bahagian iaitu Bahagian Operasi dan Bahagian Pentadbiran. Bahagian Operasi terdiri daripada Malim (pilot), Menara Kawalan dan juga pemandu. Di dalam Bahagian Operasi ini mempunyai hubungan yang rapat antara satu sama lain bagi memastikan setiap pergerakan malim untuk memandu arah keluar dan masuk kapal berada di dalam keadaan yang sistematik dan efisien. Menara Kawalan akan membuat jadual mengenai kapal yang keluar dan masuk ke pelabuhan serta menjadualkan pergerakan malim untuk memandu arah kapal tersebut. Pemandu pula berperanan sebagai mempercepatkan lagi pergerakan malim ke sesebuah destinasi samada Dermaga Kargo Am, Dermaga Kontena, Jeti Minyak Sayuran dan Jeti Merbahaya. Malim pula akan menjalankan tugas untuk memandu arah kapal masuk atau keluar dan memasukkan segala maklumat seperti tempoh masa pergerakan kapal, tempoh masa pergerakan bot tunda dan juga tempoh masa pergerakan penambatan ke dalam borang yang dikenali sebagai *baucer*. Setelah semua pergerakan malim selesai, malim akan menyerahkan pula *baucer* ini kepada Bahagian Pentadbiran. Bahagian Pentadbiran pula akan menguruskan *baucer* yang diberi oleh malim untuk proses memasukkan data ke dalam sistem komputer iaitu Marine Service System (MSS) dan juga Port Billing Operation System (PBOS) bagi membuat tuntutan atas perkhidmatan yang telah diberikan oleh Jabatan Marin seperti '*pilotage*', bot tunda dan penambatan (*mooring*). Pelatih berpendapat bahawa Latihan Industri ini sedikit sebanyak telah memberi peluang kepada setiap bakal graduan di bawah program Sarjana Muda Pengurusan (Maritim) untuk merasai dan menimba sedikit sebanyak pengalaman mengenai dunia pekerjaan yang sebenar. Secara tidak langsung, Latihan Industri ini dapat memperluaskan lagi persediaan bakal-bakal graduan Sarjana Muda Pengurusan (Maritim) sebelum melangkah ke dunia pekerjaan yang sebenar dan serba mencabar kelak.